

BIBLIOGRAPHIC INFORMATION

Title	Komuniti Pulau, Kemiskinan Dan Impak Pelancongan: Kajian Kes Di Pulau Redang, Terengganu
Source	http://phuakl.tripod.com/pssm/conference/day216.doc
Author 1	Roshanim Koris
Author 2	NA
Author 3	NA
Publication/Conference	4th International Malaysian Studies Conference; 3-5 August 2004, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Edition	NA
Document Type	Article
CPI Primary Subject	Social
CPI Secondary Subject	Poverty & Inequality; Tourism & Hospitality ;
Geographic Terms	Terengganu;
Abstract	This study was aimed at understanding the phenomena of poverty among the communities of Redang Island whereby most of them have an average income between RM251 to RM500 per month. The study was found that the tourism sector does give a considerable impact on this community by contributing to 44% of their households income. Article written in Malay

Centre for Policy Initiatives (CPI)

Pusat Iniatif Polisi

政策倡议中心

<http://www.cpiasia.org>

KOMUNITI PULAU, KEMISKINAN DAN IMPAK PELANCONGAN: KAJIAN KES DI PULAU REDANG, TERENGGANU

Roshanim Koris
Jabatan Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

ABSTRACT

Terengganu is well known for its beautiful islands, one of which is Redang Island, attracting even international travellers. Ironically, Terengganu is also the third poorest state in Malaysia. Redang Island is home to almost 1500 people, most of whom are involved in the tourism sector. However, they are still isolated from the expansion of the tourism sector on the island. This study was aimed at understanding the phenomena of poverty among the communities of Redang Island whereby most of them have an average income between RM251 to RM500 per month. Determination of absolute poverty found 28% poverty incidence in the Redang Island community. The main contributing factors to poverty were low wages, large family size and a large number of family members were unemployed. Gini coefficient shows the inequality of income distribution among the households is 0.3750. The study was found that the tourism sector does give a considerable impact on this community by contributing to 44% of their households income.

Keywords: Redang Island, Factors of island poverty, Impact of Tourism

PENGENALAN

Komuniti pulau mempunyai corak kehidupan yang amat berbeza berbanding dengan masyarakat yang mendiami kawasan tanah besar. Kehidupan sosio-ekonomi mereka juga sering dikaitkan dengan sumber alam semulajadi. Contoh yang paling nyata di sini ialah sektor perikanan dan pelancongan yang sememangnya sinonim dengan kehidupan harian komuniti pulau. Selain daripada itu, komuniti pulau juga sering dikaitkan dengan kemiskinan dan terpinggir daripada arus pembangunan serta lambat menerima pemodenan berbanding komuniti di tanah besar. Telahan ini mungkin tepat dalam 30-40 tahun dahulu. Namun, masih wujudkah keadaan ini pada komuniti Pulau Redang? Semenjak kemunculan pusat-pusat peranginan seperti 'cendawan selepas hujan' adakah ia dapat merubah taraf hidup komuniti Pulau Redang?

Maka, objektif utama kertas ini adalah untuk:

- i) mengukur sejauh manakah insiden kemiskinan yang wujud dan agihan pendapatan isirumah bagi komuniti Pulau Redang.
- ii) melihat sumbangan sektor pelancongan terhadap pendapatan komuniti Pulau Redang.
- iii) melihat faktor kemiskinan dan kesan sektor pelancongan terhadap komuniti Pulau Redang.

Sejarah Awal Pulau Redang

Mengikut sejarah awal, Gugusan Pulau Redang yang terdiri daripada 9 buah pulau iaitu Pulau Redang, Pulau Pinang, Pulau Ekor Tebu, Pulau Lima, Pulau Paku Besar, Pulau Paku Kecil, Pulau Kerengga Besar, Pulau Kerengga Kecil, dan Pulau Ling telah dijumpai oleh pendatang yang berketurunan Bugis dari Indonesia di sekitar abad ke-18 iaitu Batin Talib. Penempatan awal Batin Talib bersama beberapa pengikutnya adalah di Teluk Kalong iaitu di bahagian timur Pulau Redang. Kemudiannya mereka berpindah ke Pulau Pinang yang lebih selamat daripada tiupan angin kencang. Sehingga tahun 70-an penduduk Pulau Pinang mempunyai hampir 100 buah keluarga. Akibat pertumbuhan penduduk Pulau Pinang yang semakin ramai, mereka telah berpindah ke Kuala Sungai Redang, Pulau Redang yang berhadapan dengan Pulau Pinang di sekitar tahun 1976 dan diberi nama Kampung Air yang mana ianya telah dibina oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Akhirnya, Kerajaan Negeri telah membina penempatan baru untuk komuniti Pulau Redang di bahagian dalam pulau tersebut iaitu lebih kurang 4 kilometer daripada Kuala Sungai Redang. Penempatan baru mereka dikenali dengan nama Kampung Ulu Redang. Mereka mula berpindah ke kawasan baru pada pertengahan tahun 1997. Sehingga kini terdapat hampir 400 isirumah yang menetap di Pulau Redang dengan jumlah penduduk seramai 1,453 orang (Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2000). Pulau Redang merupakan satu kampung kecil, struktur rumahnya tersusun serta dilengkapi dengan kemudahan asas seperti sekolah rendah, balairaya, balai polis (pembinaan hampir siap semasa penulis berada di sana), kuarters guru, masjid, pusat kesihatan dan padang permainan. Kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh komuniti di sana sejak turun temurun adalah dengan menangkap ikan untuk menyara kehidupan

mereka. Namun, semenjak sektor pelancongan semakin berkembang maju, kebanyakan komuniti Pulau Redang telah terlibat dalam sektor tersebut.

Pelancongan dan Kemiskinan

Pulau Redang merupakan pulau yang terbesar di antara 9 buah pulau di Gugusan Pulau Redang iaitu seluas 26.725 km persegi dan diikuti dengan Pulau Pinang. Hanya dua buah pulau ini sahaja yang berpenghuni. Komuniti pulau telah menetap di Pulau Redang, sementara Pulau Pinang menjadi Pusat Taman Laut. Pulau-pulau ini amat terkenal dengan airnya yang jernih, pantai yang memutih dan menjadi syurga bagi para penyelam dan amat sesuai untuk aktiviti *snorkelling* dan selam skuba. Bermula tahun 1990 hinggalah 2003, Pulau Redang mempunyai 15 buah chalet-chalet kecil hinggalah ke hotel mewah yang bertaraf lima bintang dengan jumlah bilik sebanyak 657 (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Terengganu (UPENT), 2003). Antara yang terkenal adalah Pasir Panjang Chalet bermula 1990 dan Berjaya Redang Beach Resort, 1996. Pakej pelancongan yang disediakan oleh pengusaha hotel, resort dan chalet di sana dapat menarik kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara. Tidak hairanlah jumlah kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ke Pulau Redang semakin bertambah. Statistik menunjukkan seramai 52,634 orang pelancong telah melawat Pulau Redang pada tahun 2000. Jumlah tersebut telah meningkat kepada 63,826 orang pada tahun 2002 yang mana masing-masing 11 dan 17 peratus daripadanya adalah pelancong dari luar negara (Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, 2002). Ini menjadikan jumlah bilangan pelancong yang tiba di Terengganu pada tahun 2000 seramai 1,330,545 orang, meningkat kepada 1,401,819 orang pada tahun 2002. Sumbangan sektor ini adalah penyumbang kedua tertinggi kepada KDNK Negeri Terengganu dengan peningkatan daripada RM298.9 juta pada tahun 1999 kepada RM543.5 juta pada tahun 2002. Namun, merosot sedikit iaitu 3.8 peratus pada tahun 2003 menjadikan jumlah sumbangan sektor ini kepada KDNK negeri adalah RM522.7 juta.

Secara langsung, sektor pelancongan ini telah memberi peluang pekerjaan dalam pelbagai bentuk kepada komuniti Pulau Redang terutamanya kepada generasi muda di sana. Contohnya Berjaya Redang Beach & Resort yang didirikan tidak jauh dari penempatan penduduk menjadi salah satu punca pendapatan sebahagian komuniti Pulau Redang.

Selain itu, terdapat juga individu yang mengusahakan chalet secara kecil-kecilan, serta mempunyai aset seperti bot yang mana ia mungkin membawa pulangan yang agak lumayan. Walau bagaimanapun, aktiviti perikanan masih lagi diteruskan oleh sebahagian besar ketua isirumah (KIR) di pulau tersebut dan pendapatan yang mereka perolehi masih lagi di tahap yang rendah.

Pendapatan yang rendah merupakan salah satu sebab wujudnya kemiskinan. Menurut Osman Rani Hassan dan Abdul Majid Salleh, 1988:30, kemiskinan merupakan satu "*sindrom situasi*" yang meliputi unsur kekurangan makanan dan taraf kesihatan yang rendah, pendapatan yang rendah, taraf pendidikan yang rendah, pengangguran, keadaan rumah yang tidak selamat, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot. Jelas di sini konsep kemiskinan boleh dilihat dari pelbagai sudut. Namun, umumnya definisi kemiskinan boleh dibahagikan kepada dua iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif.

Kemiskinan mutlak melihat kepada ketidakmampuan isirumah untuk menampung kos minimum bagi keperluan asas hidupnya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan kemudahan asas dengan pendapatan yang diperolehinya setiap bulan. Manakala, kemiskinan relatif pula melihat kepada perbezaan pendapatan yang diterima oleh kumpulan yang berbeza di dalam komuniti yang sama. Ianya boleh dilihat dari segi agihan pendapatan. Pengukuran pendapatan cukup hidup yang digunakan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). PGK ditakrifkan sebagai pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli isirumah (AIR) dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti pakaian dan kasut, sewa rumah, minyak dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi. PGK dikemaskini setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Pengguna (Laporan Kualiti Hidup Malaysia, 2002).

Walaupun, kadar kemiskinan di Negeri Terengganu menunjukkan penurunan dari tahun ke tahun, namun Terengganu masih lagi berada di antara tiga negeri yang mempunyai kadar kemiskinan tertinggi di Malaysia. Kadar kemiskinan di Terengganu pada tahun

1999 adalah 14.9 dan berkurangan kepada 11.6 peratus pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, kadar tersebut masih lagi tinggi berbanding kadar nasional dengan masing-masing 7.5 peratus dan 5.5 peratus (Bahagian Pembasmian Kemiskinan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah).

METODOLOGI

Kajian ini dilakukan terhadap 211 orang responden yang terdiri daripada KIR. Temubual dijalankan selama dua hari di sana dengan menggunakan instrumen soalselidik. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi 3 bahagian. Bahagian A berkaitan dengan profil responden iaitu KIR. Bahagian B pula mengumpul maklumat berkenaan pendapatan yang diterima oleh KIR dan AIR. Manakala Bahagian C pula berkaitan dengan pemilikan harta dan kelengkapan rumah.

Kajian ini melihat kepada kedua-dua definisi kemiskinan iaitu kemiskinan mutlak dan juga kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak menggunakan PGK RM529 (2002) untuk saiz keluarga 4.6 orang. Selain itu, penulis juga membuat perbandingan kategori kemiskinan dengan menggunakan PGK per kapita iaitu pendapatan minimum per kapita bagi satu isirumah ($RM529/4.6 = RM115$). Kategori kemiskinan ini dapat diberi seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Kategori Kemiskinan Berdasarkan PGK (2002)

Kategori	Termiskin	Miskin	Tidak Miskin
PGK RM529 (4.6 saiz keluarga)	<RM264.50	RM264.60-RM529	>RM530
PGK RM115	<RM57.50	RM57.60-RM115	>RM116

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu

Isirumah yang berpendapatan di bawah paras PGK adalah dikategorikan sebagai miskin. Manakala, pendapatan separuh daripada paras PGK adalah termiskin. Bagi pendapatan isirumah yang melepasi PGK, mereka dikategorikan sebagai tidak miskin. Dalam kajian ini, penulis membundarkan RM264.50 kepada RM265.00 (bagi PGK RM529 sahaja).

Maka kategori termiskin adalah <RM265 dan kategori miskin pula pendapatan yang berada di antara RM266-RM529.

Manakala untuk melihat kepada kemiskinan relatif dan ketidakseimbangan pendapatan bagi kumpulan di dalam komuniti yang dikaji, penulis menggunakan kaedah pengiraan koefisien Gini iaitu pengukuran ketidaksamaan (*inequality measurement*) (Ahmad Mahdzan dan Barudin, 2003) yang melihat kepada agihan pendapatan di kalangan KIR dan juga AIR di Pulau Redang.

Data diproses menggunakan pakej SPSS dan dianalisis menggunakan analisis deskriptif frekuensi, analisis penjadualan silang, analisis korelasi, dan pengiraan koefisien Gini berdasarkan keluk Lorenz.

HASIL KAJIAN

Analisis Frekuensi

Kajian mendapati hampir 71 peratus KIR di Pulau Redang adalah penduduk asal di situ (rujuk Jadual 2 dalam Lampiran 1). Iaitu bermula daripada penempatan awal di Telok Kalung, di Pulau Pinang dan sehinggalah ke penempatan baru di Pulau Redang. Beberapa responden mendakwa mereka berketurunan Bugis iaitu waris kepada orang yang pertama menemui Gugusan Pulau Redang, Batin Talib. Namun, disebabkan perkahwinan bersama orang yang berketurunan Melayu khususnya, istilah keturunan Bugis semakin dilupakan oleh generasi muda di Pulau Redang. Selebihnya, taraf penduduk KIR adalah sebagai pendatang atau perantau dari pelbagai kawasan. Ada di antara mereka dari Marang, Kemaman, Bachok, Kuantan, Sabah dan Indonesia yang telah mendapat kerakyatan. Kebanyakan mereka menetap di Pulau Redang lebih daripada 10 tahun yang kebanyakannya disebabkan oleh perkahwinan dengan penduduk asal Pulau Redang.

Hanya 13 peratus KIR wanita yang majoritinya adalah ibu tunggal (balu). Mereka menerima bantuan daripada JKM dan zakat, bekerja di resort dan ada juga yang disara oleh anak-anak. Manakala KIR lelaki majoritinya adalah nelayan sebanyak 36 peratus dan diikuti dengan KIR yang bekerja di sektor pelancongan 33 peratus. KIR yang bekerja

di sektor perikanan kebanyakannya sebagai nelayan pesisir pantai. Hanya sebahagian kecil sahaja yang menjadi nelayan laut dalam. Ini kerana tidak semua nelayan tersebut mempunyai bot sendiri. Bot yang mereka miliki digunakan samada untuk menangkap ikan atau membawa pelancong. Sebahagian besar KIR yang terlibat dengan sektor pelancongan, bekerja di Berjaya Redang Beach Resort dengan pelbagai bentuk jawatan, seperti pemandu bot, pengawal keselamatan, tukang kebun, pencuci dan lain-lain. Selebihnya bekerja di resort dan chalet lain seperti Laguna Resort, dan Pasir Panjang Chalet. Lebih 50 peratus KIR menerima pendapatan daripada pekerjaan utama mereka antara RM251 hingga RM500. Namun, ada juga sebilangan kecil KIR yang mendapatkan pendapatan lebih daripada RM1000. Mereka ini mempunyai pekerjaan yang baik di sektor kerajaan, ada juga mengusahakan chalet dan kedai makan, atau mereka yang mempunyai lebih daripada 1 bot persendirian samada untuk membawa pelancong atau ke laut dalam untuk menangkap ikan.

Lebih 50 peratus KIR berpendidikan rendah sahaja. Keadaan ini berlaku pada KIR yang berumur lebih 40 tahun. Ini mungkin disebabkan kesempitan hidup keluarga mereka dahulu, menghalang mereka menyambung pendidikan ke peringkat menengah di tanah besar. Sehingga sekarang sekolah menengah tidak ada di Pulau Redang. Mereka terpaksa ke tanah besar iaitu sekolah menengah di sekitar Kuala Terengganu seperti Sekolah Menengah Sultan Sulaiman dan Sekolah Menengah Ibrahim Fikri untuk menyambung pelajaran mereka.

Majoriti isirumah di Pulau Redang mempunyai saiz keluarga antara 6 hingga 10 orang. Ada juga isirumah yang mempunyai saiz keluarga lebih daripada 11 orang iaitu sebanyak 10 peratus (rujuk Jadual 2 dalam Lampiran 1). Kebanyakan anak-anak yang telah berkahwin menetap bersama ibu bapa mereka. Sehingga ada beberapa isirumah yang mempunyai 2 atau 3 kelamin yang tinggal bersama dan juga berkongsi perbelanjaan.

Jadual 3 (rujuk Lampiran 1) menunjukkan kualiti hidup komuniti Pulau Redang berdasarkan pemilikan kenderaan dan kelengkapan rumah. Kajian menunjukkan hampir 80 peratus penduduk pulau tersebut menggunakan motosikal sebagai kenderaan utama. Sebanyak 14 peratus komuniti Pulau Redang mempunyai bot yang biasanya digunakan

untuk menangkap ikan atau membawa pelancong dan memudahkan mereka ke tanah besar seperti ke Bandar Kuala Terengganu. Sebaliknya yang tidak memiliki bot, terpaksa menyewa atau membayar tambang feri yang disediakan. Tambang bagi penduduk pulau lebih murah iaitu RM20 berbanding pelancong yang datang ke sana terpaksa membayar RM40 sehalu.

Lebih 80 peratus komuniti Pulau Redang mempunyai peralatan asas seperti televisyen, dapur gas, radio dan peti sejuk. Mereka juga tidak terpinggir daripada arus perkembangan teknologi maklumat, di mana 5 peratus daripada mereka memiliki komputer di rumah dan di antara mereka ada yang mempunyai talian internet. Salah seorang KIR yang ditemubual memberitahu, beliau membayar segala bil utiliti melalui internet kerana ia sangat mudah dan menjimatkan. Selain daripada itu, hampir 25 peratus daripada mereka juga pelanggan siaran Astro kerana menurut mereka siaran televisyen menjadi lebih jelas dan memuaskan. Ini menunjukkan mereka tidak ketinggalan daripada mendapatkan sebarang maklumat dan juga mereka dapat menjalani kehidupan dengan sempurna seperti masyarakat di tanah besar.

Analisis Penjadualan Silang

Jadual 4: Bilangan Keluarga/Isirumah Termiskin dan Miskin berdasarkan PGK (2002)

Pendapatan Kasar Isirumah per Kapita (RM/bulan)	Pendapatan Kasar Isirumah (RM/bulan)			Jumlah n=211
	Termiskin	Miskin	Tidak Miskin	
Termiskin	4	11	-	15 (7.1%)
Miskin	1	20	23	44 (20.9%)
Tidak Miskin	2	10	140	152 (72%)

Sumber: Kerja Lapangan, April 2004

Jadual 4 menunjukkan bilangan isirumah dalam kategori termiskin, miskin dan tidak miskin berdasarkan pendapatan kasar isirumah berbanding PGK RM529 (4.6) dan pendapatan kasar isirumah per kapita berdasarkan PGK per kapita RM115 seperti yang telah dijelaskan di dalam bahagian metodologi. Pembahagian kategori kemiskinan pada

pendapatan kasar isirumah di dalam Jadual 4 adalah tidak berdasarkan saiz keluarga. Berbanding pendapatan kasar per kapita isirumah, ia mengambilkira saiz keluarga bagi satu isirumah. Jelas menunjukkan bilangan isirumah sebenar yang termiskin dan miskin setelah dibuat perbandingan dengan saiz keluarga adalah seramai 59 isirumah. Dengan ini insiden kemiskinan bagi isirumah di Pulau Redang adalah sebanyak 28 peratus. Bermakna pendapatan yang banyak dalam satu isirumah tidak bermakna isirumah tersebut tidak miskin sekiranya saiz isirumah tersebut besar. Kebanyakan isirumah yang berada dalam kategori termiskin dan miskin ini mempunyai saiz keluarga antara 6 hingga 10 orang.

Analisis Korelasi

Jadual 5: Korelasi antara Jumlah Pendapatan Kasar (RM/bulan), Umur, Tahap Pendidikan KIR dan Bilangan Isirumah

		Jumlah Pendapatan Kasar KIR	Umur KIR	Tahap Pendidikan KIR	Bilangan Isirumah
Jumlah Pendapatan Kasar KIR (RM/sebulan)	Korelasi <i>Pearson</i> <i>Sig.</i> (2 sisi)	1.000 .225	-.089 .225	.260** .000	.105 .151
Umur KIR	Korelasi <i>Pearson</i> <i>Sig.</i> (2 sisi)	-.089 .225	1.000 .000	-.591** .000	.189** .006
Tahap Pendidikan KIR	Korelasi <i>Pearson</i> <i>Sig.</i> (2 sisi)	.260** .000	-.591** .000	1.000 .994	-.001 .994
Bilangan Isirumah	Korelasi <i>Pearson</i> <i>Sig.</i> (2 sisi)	.105 .151	.189** .006	-.001 .994	1.000

** Signifikan pada aras keertian 0.01 (2 sisi)

Analisis korelasi ini ingin menunjukkan adakah faktor demografi umur, tahap pendidikan KIR dan bilangan isirumah mempunyai hubungan terhadap jumlah pendapatan KIR (RM/sebulan) ataupun sebaliknya. Jadual 5 memperlihatkan hanya tahap pendidikan dan jumlah pendapatan KIR mempunyai talian perhubungan yang signifikan pada aras keertian 0.01 (1 peratus). Koefisien korelasi Pearson dalam kajian ini memberikan nilai 0.260 menunjukkan pendapatan bulanan KIR dan tahap pendidikan berhubungannya secara langsung. Ini bermakna makin tinggi tingkat pendidikan, makin tinggi tingkat pendapatan. Namun, senario bagi komuniti Pulau Redang, tingkat pendapatan yang

rendah adalah disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah. Walau bagaimanapun, KIR yang mempunyai aset seperti bot yang digunakan, atau pengusaha chalet dan peniaga kedai runcit pasti mendapat pendapatan bulanan yang agak tinggi walaupun tahap pendidikan yang rendah.

Selain daripada itu, jika dilihat koefisien korelasi Pearson 0.189 bagi perhubungan antara umur KIR dengan bilangan isi rumah menunjukkan hubungan positif tetapi tidak memberi kesan yang cukup kuat. Ini bermakna umur KIR yang semakin tinggi, akan memberi peluang mereka mendapat anak yang ramai. Kesan daripada itu, sekiranya anak-anak mereka dewasa dan berumahtangga diusia muda, turut menjadi penyumbang jumlah isirumahnya bertambah. Senario di Pulau Redang, anak-anak yang telah berkahwin kebanyakannya tinggal bersama ibu bapa mereka. Sehingga ada beberapa keluarga di dalam sebuah rumah mempunyai dua atau tiga kelamin yang tinggal bersama.

Perhubungan yang signifikan juga dapat dilihat pada tahap pendidikan KIR dengan umur KIR. Koefisien korelasi Pearson menunjukkan -0.591 yang membawa makna hubungan songsang yang agak kuat antara kedua-dua pembolehubah tersebut. Ini bermakna umur KIR yang makin tinggi, tahap pendidikan mereka adalah rendah. Ini kerana kebanyakan KIR berumur di antara 41-60 adalah mereka yang mempunyai tahap pendidikan di peringkat rendah sahaja dan ada juga yang tiada pendidikan formal.

Analisis Koefisien Gini

Analisis koefisien Gini diperolehi daripada keluk Lorenz iaitu keluk agihan pendapatan sekumpulan isirumah yang menghubungkan peratusan pendapatan yang diterima dengan setiap peratusan isirumah secara kumulatif. Koefisien Gini adalah ukuran ketaksamaan agihan pendapatan yang nilainya di antara 0-1. Ia diperolehi dengan formula seperti di bawah (Ahmad Mahdzan dan Barudin, 2003):

$$\text{Koefisien Gini} = \frac{\frac{1}{2} \text{ segi empat sama} - \text{keluasan di bawah keluk Lorenz}}{\frac{1}{2} \text{ segi empat sama}}$$

Koefisien Gini yang bernilai 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama. Manakala koefisien Gini yang bernilai 1 bermakna wujud ketidakserataan agihan pendapatan yang sangat ketara. Kertas ini memberikan dua (2) keluk Lorenz yang berlainan iaitu (i) Keluk Lorenz Agihan Pendapatan Kasar Isirumah di Pulau Redang dan (ii) Keluk Lorenz Agihan Pendapatan Kasar Isirumah per Kapita di Pulau Redang iaitu masing-masing dalam Jadual 6 & Gambarajah 1 dan Jadual 7 & Gambarajah 2.

Jadual 6 : Agihan Pendapatan Kasar Isirumah Secara Kumulatif


% Kumulatif Isirumah	% Pendapatan Kasar Isirumah	% Kumulatif Pendapatan Kasar Isirumah	Keluasan Di Bawah Setiap Segmen Lorenz
10	2.31	2.31	11.55
20	3.90	6.21	42.60
30	4.88	11.10	86.55
40	6.12	17.22	141.60
50	7.24	24.46	208.40
60	8.21	32.68	285.70
70	9.97	42.65	376.65
80	12.35	55.00	488.25
90	15.85	70.86	629.30
100	29.14	100	854.30
Jumlah Keluasan Di Bawah Keluk Lorenz			3124.90

$$\text{Koefisien Gini} = \frac{\frac{1}{2} \text{ segi empat sama} - \text{keluasan di bawah keluk Lorenz}}{\frac{1}{2} \text{ segi empat sama}}$$

$$= \frac{5000 - 3124.90}{5000}$$

$$= \frac{1875.1}{5000} = 0.3750$$

Gambarajah 1: Keluk Lorenz Agihan Pendapatan Kasar Isirumah di Pulau Redang



Nilai koefisien Gini di antara 0.2 hingga 0.35 menunjukkan sesebuah negara itu mempunyai keserataan agihan pendapatan yang seimbang. Sebaliknya jika koefisien Gini bernilai 0.5 hingga 0.7, negara tersebut tidak mempunyai agihan pendapatan yang setara atau seimbang (Todaro, 1977 dalam Lua Kim Geot, 2003 p: 65). Jadual 6 menunjukkan keluasan di antara keluk Lorenz dengan garisan persamaan adalah sebanyak 3124.9. Maka, koefisien Gini yang diperolehi adalah 0.375. Dengan ini boleh dikatakan, komuniti Pulau Redang mengalami ketidakserataan agihan pendapatan tetapi dengan jurang yang kecil. Walau bagaimanapun, dengan populasi yang kecil ketidakserataan itu tetap dirasai oleh isirumah yang mempunyai pendapatan yang kecil. Jika dilihat dalam Jadual 7 pula, agihan pendapatan kasar bagi isirumah per kapita di Pulau Redang juga dalam nilai yang kecil iaitu 0.3199. Ini bermaksud hanya lebih kurang 30 peratus isirumah yang menerima pendapatan kasar per kapita dalam jumlah yang kecil iaitu kurang daripada RM120.00.

Jadual 7: Agihan Pendapatan Kasar Isirumah per Kapita Secara Kumulatif di Pulau Redang


% Kumulatif Isirumah	% Pendapatan Kasar Isirumah per Kapita	% Kumulatif Pendapatan Kasar Purata Isirumah	Keluasan Di Bawah Setiap Keluk Lorenz
10	2.70	2.70	13.5
20	4.47	7.17	49.35
30	5.72	12.89	100.3
40	6.50	19.39	161.4
50	7.66	27.05	232.2
60	9.49	36.54	317.95
70	11.02	47.56	420.5
80	13.04	60.60	540.8
90	15.53	76.13	683.65
100	23.87	100	880.65
Jumlah Keluasan Di Bawah Keluk Lorenz			3400.3

$$\text{Koefisien Gini} = \frac{\frac{1}{2} \text{ segi empat sama} - \text{keluasan di bawah keluk Lorenz}}{\frac{1}{2} \text{ segi empat sama}}$$

$$= \frac{5000 - 3400.3}{5000}$$

$$= \frac{1599.7}{5000} = \mathbf{0.3199}$$

**Gambarajah 2: Keluk Lorenz Agihan Pendapatan Kasar Purata
Isirumah di Pulau Redang**



PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Faktor Kemiskinan dan Dampak Pelancongan

Insiden kemiskinan bagi komuniti Pulau Redang adalah 28 peratus menunjukkan peratusan yang lebih besar berbanding insiden kemiskinan Negeri Terengganu iaitu 11.6 peratus (2001). Walau bagaimanapun, ketidaksamarataan agihan pendapatan, walaupun masih ada tetapi jurang perbezaan tersebut tidak terlalu besar. Semakin ramai AIR yang bekerja dalam satu isirumah, semakin tinggi jumlah pendapatan isirumah tersebut. Namun perlu diambil berat terhadap bilangan isirumah yang tinggal bersama. Walaupun pendapatan isirumah meningkat, ia tetap tidak mencukupi sekiranya bilangan isirumah yang tinggal bersama adalah ramai.

Justeru, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan wujudnya kemiskinan mutlak di Pulau Redang iaitu tingkat pendapatan yang rendah daripada paras PGK bagi isirumah yang termiskin dan miskin, masing-masing 7 peratus dan 21 peratus adalah:

a) Tahap pendidikan

Sepuluh daripada KIR memiliki tahap pendidikan setakat sekolah rendah sahaja. Walau bagaimanapun, hampir 80 peratus AIR yang bekerja berjaya menamatkan persekolahan mereka di peringkat menengah. Ini menyebabkan mereka hanya mencari peluang pekerjaan yang ada di dalam pulau sahaja samada di sektor pelancongan ataupun sebagai nelayan. Bentuk pekerjaan di sektor pelancongan yang dapat mereka lakukan dengan tahap pendidikan yang sedemikian hanyalah sebagai pemandu bot, tukang cuci, pelayan restoren, 'housekeeping', pengawal keselamatan, tukang masak dan lain-lain lagi.

b) Saiz keluarga yang besar

Hampir 50 peratus isirumah di sana memiliki saiz keluarga di antara 6 hingga 10 orang. Diikuti dengan isirumah bersaiz 1 hingga 5 orang sebanyak 41 peratus dan 10 peratus mempunyai keluarga lebih daripada 11 orang. Isirumah ini kebanyakannya terdiri daripada pasangan KIR, anak, menantu, ibu atau bapa, cucu dan ada juga anak saudara yang tinggal bersama. Saiz keluarga yang besar dengan pendapatan yang rendah dan mereka berkongsi segala perbelanjaan bersama-sama, menyebabkan mereka berpotensi untuk berada dalam kategori miskin.

c) AIR yang tidak bekerja

Bilangan AIR yang bekerja atau tidak juga mempengaruhi pendapatan isirumah. Peningkatan pendapatan disebabkan bilangan AIR yang bekerja dalam satu isirumah turut membantu mengurangkan masalah kemiskinan. Kebanyakan pasangan KIR tidak bekerja dan hanya 18 peratus sahaja daripada AIR yang bekerja dan membantu KIR menambahkan pendapatan mereka. Kebanyakan mereka masih lagi bersekolah.

d) Pekerjaan sampingan

Hanya 19 peratus KIR yang mempunyai pekerjaan sampingan. Kebanyakannya nelayan yang membuat kerja sampingan dengan membawa pelancong untuk *snorkelling* dan sebagainya. Satu trip membawa pelancong untuk *snorkeling*, memberikan pendapatan tambahan antara RM300-RM400. Selain daripada itu, ada juga yang berniaga, bertukang, menjadi pengawal keselamatan di resort-resort dan menjadi peraih ikan. Sebaliknya bagi mereka yang tidak mempunyai pekerjaan sampingan menjadikan mereka hanya bergantung kepada pendapatan daripada pekerjaan utama yang sememangnya rendah. Begitu juga dengan AIR yang kebanyakannya mempunyai pekerjaan utama di sektor pelancongan, membuat kerja sampingan seperti menangkap ikan, berniaga dan sebagainya.

e) Pemilikan bot

Hanya 14 peratus KIR yang memiliki bot iaitu dalam 30 orang KIR sahaja yang mana mereka digunakan samada untuk menangkap ikan ataupun untuk membawa pelancong. Bagi mereka yang tidak mempunyai bot, peluang untuk mendapat pendapatan yang lebih adalah sukar. KIR yang bekerja sebagai nelayan tetapi tidak memiliki bot, mereka bekerja secara berkumpulan untuk mendapatkan tangkapan. Pasti hasil yang diperolehi juga dikongsi bersama-sama.

Berdasarkan koefisien Gini yang diperolehi, agihan pendapatan antara isirumah berdasarkan jumlah pendapatan mereka tidak menunjukkan jurang yang ketara. Tetapi jika dilihat daripada sektor pekerjaan yang mereka lakukan, pendapatan kasar isirumah sebulan dari sektor pelancongan iaitu sebanyak RM106,275 (44 peratus) lebih besar berbanding pendapatan sektor perikanan iaitu hanya RM61,381 (25 peratus). Jelas di sini, dampak dari sektor pelancongan dapat memberi sumbangan secara langsung kepada komuniti Pulau Redang dan sedikit sebanyak dapat mengubah taraf hidup komuniti Pulau Redang dan kemungkinan mereka keluar daripada kategori termiskin dan miskin ini adalah cerah. Walaupun sekurang-kurangnya berubah daripada kategori termiskin kepada miskin. Sumbangan secara langsung sektor pelancongan kepada komuniti ini dilihat dari sudut nilai perbelanjaan pelancong yang disalurkan kepada jualan, pendapatan upah dan gaji serta kewujudan peluang pekerjaan kepada komuniti Pulau Redang (Roseliza, Kerja

Lapangan 2003). Namun begitu, penulis percaya banyak lagi 'kekayaan' dan keuntungan hasil dari sektor pelancongan di pulau ini, telah dikaut oleh golongan tertentu seperti pengusaha atau pelabur-pelabur resort dan chalet dari luar Pulau Redang.

Walau bagaimanapun timbul persoalan bagi mereka yang bergantung penuh kepada kedatangan pelancong, pendapatan yang mereka diperolehi adalah tidak stabil setiap bulan. Masalah ini timbul berikutan kedatangan pelancong adalah mengikut musim. Resort dan chalet ditutup pada musim tengkujuh iaitu di antara bulan November hingga Februari. Pulau hanya sesuai dilawati pada bulan April hingga Oktober. Begitu juga penduduk yang bekerja sebagai nelayan, kegiatan mereka tergendala pada musim tengkujuh. Justeru, lebih 50 peratus KIR mendakwa pendapatan yang mereka dapat, samada yang bergantung pada kedatangan pelancong atau yang bekerja sebagai nelayan adalah tidak stabil. Jumlah pendapatan mereka mungkin lebih besar pada musim laut tenang dan berkurangan pada musim tengkujuh. Justeru, perbezaan pendapatan mengikut musim ini memerlukan perbincangan serius berkenaan penentuan kemiskinan mutlak berdasarkan PGK nasional. Ianya kurang sesuai digunakan bagi keadaan komuniti Pulau Redang ini. Maka kajian lanjut perlu dijalankan bagi mencari penyelesaian terhadap isu tersebut. Selain daripada itu, kemiskinan juga mesti dilihat dari sudut 'sindrom situasi' yang lain pula seperti pengangguran yang wujud di sana, kekurangan zat makanan, keadaan rumah, persekitaran pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif, fikiran yang kolot dan lain-lain lagi.

Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayop dan Barudin Mohamed. 2003. *Kemiskinan dalam P-Ekonomi: Cabaran bagi Kedah Maju 2010*. Prosiding Seminar Kedah Maju 2010, 20-21 Oktober 2003, Pusat Konvensyen UUM.
- Fatimah Wati Ibrahim et al. 2003. *Kajian Profil Kemiskinan dan Impak Program di Negeri Kedah*. Prosiding Seminar Kedah Maju 2010, 20-21 Oktober 2003, Pusat Konvensyen UUM.
- Lua Kim Geot. 2003. *Keterbukaan Ekonomi dan Kesannya Terhadap Kemiskinan dan Ketaksamarataan Agihan Pendapatan: Satu Kajian di Malaysia*. Laporan Projek Tahun Akhir untuk Mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Ekonomi (Sumber Alam).
- Osman Rani Hassan dan Abd. Majid Salleh. 1988. *Konsep-konsep Kemiskinan dan Ketaksamaan: Satu Tinjauan*. Dalam Chamhuri Siwar dan Mohd. Haflah Piei. 1988. *Isu, Konsep dan Dimensi Kemiskinan: Kumpulan Rencana Tentang Kemiskinan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. p 30.
- Unit Perancang Ekonomi, JPM.2002. *Kualitli Hidup Malaysia*. Jabatan Percetakan Negara. Kuala Lumpur.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu. 2003. *Data Asas 2002*. Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu. 2004. *Data Asas 2003*. Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu.
- Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu. 2002. *Pelan Tindakan Ekonomi Rakyat Terengganu 2002-2010*. Yayasan Islam Terengganu, Kuala Terengganu.
- Wan Sohaibanun Wan Nilam.2004. *Faktor Penentu Pendapatan Isirumah dan Implikasi Terhadap Pembangunan Sosioekonomi di Pesisir Pantai Daerah Marang*. Laporan Projek Tahun Akhir untuk Mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Ekonomi (Sumber Alam).

LAMPIRAN 1

Jadual 2: Profil Demografi Ketua Isi Rumah (KIR) Penduduk Kg. Ulu Redang

ITEM	PERATUS % (n=211)
Taraf Penduduk	
• Asal	70.6
• Pendatang	29.4
Jantina	
• Lelaki	87.2
• Perempuan	12.8
Umur	
• 20 – 40	42.2
• 41 – 60	47.4
• > 61	10.4
Taraf Perkahwinan	
• Bujang	5.7
• Berkahwin	84.4
• Janda/Duda/Balu	10
Bilangan Isi Rumah	41.7
• 1 – 5 orang	48.3
• 6 – 10 orang	10
• > 11 orang	
Tahap Pendidikan	
• Tiada Pendidikan Formal	10.4
• Sekolah Rendah	58.3
• Sekolah Menengah	30.8
• Pendidikan Tinggi	0.5
Pekerjaan Utama KIR	
• Pelancongan	32.7
• Perikanan	36
• Sektor kerajaan/swasta	5.2
• Peruncitan dan restoren	4.3
• Buruh	4.7
• Lain-lain	6.6
• Tidak bekerja	10.4
Jumlah Pendapatan Kasar KIR Daripada Pekerjaan Utama (RM/sebulan)	
• < 250	2.4
• 251 – 500	51.2
• 501 – 750	18.5
• 751 – 1000	11.4
• 1001-1250	1.9
• > 1251	4.3
• Tiada pendapatan daripada pekerjaan utama	10.4

Sumber: Kerja Lapangan, April 2004

LAMPIRAN 1

Jadual 3 : Pemilikan Kenderaan dan Peralatan Rumah Komuniti Pulau Redang.

PETUNJUK	PERATUS % (n=211)
Pemilikan Kenderaan	
▪ Kereta/Van	5.2
▪ Motorsikal	73.5
▪ Bot/Perahu	14.2
▪ Basikal	41.2
Pemilikan Peralatan	
▪ Televisyen	96.7
▪ Dapur Gas	95.3
▪ Radio	81.5
▪ Peti Sejuk	84.4
▪ Mesin Basuh	79.1
▪ Komputer	5.2
▪ Pemain VCD	79.6
▪ Astro	24.6
Telekomunikasi	
▪ Telefon rumah	48.8
▪ Telefon bimbit	19.0
▪ Internet	2.4
Bilangan bilik tidur	89.1
▪ 1 – 3	10.8
▪ 4 – 7	

Sumber: Kerja Lapangan, April 2004